



Anwar berucap pada perhimpunan bulanan JPM di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Ahmad Zahid, Fadillah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, Shamsul Azri (kiri) dan Wan Ahmad Dahlan (kanan).

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

RUU Perkhidmatan Parlimen dibentangkan bacaan kali kedua

Kelulusan penting
untuk sistem
demokrasi
negara, kebebasan
bersuara
Ahli Parlimen

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya: Rang Undang-Undang (RUU) Perkhidmatan Parlimen 2025 akan dibentangkan bagi bacaan kali kedua di Dewan Rakyat hari ini dan selepas dilulus, akan memberi kematangan kepada sistem demokrasi negara untuk Parlimen lebih bebas melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata RUU yang memerlukan dukungan dua pertiga Ahli Dewan Rakyat itu bakal memperkasa Parlimen sebagai mercu tanda kebebasan bersuara ahlinya.

"Ia juga beri ketetapan tentang kematangan proses demokrasi dalam negara. Parlimen mercu tanda kebebasan bersuara Ahli Parlimen, tetapi tidak boleh terlalu terikat dengan proses perkhidmatan awam secara menyeluruh.

"Itu disebut RUU yang akan dibentangkan esok (hari ini),

yang tentunya perlukan dukungan dua pertiga Ahli Parlimen.

"Ini antara yang agak penting kerana ia sekali lagi menunjukkan keupayaan kita memperbaiki sistem pentadbiran demokrasi di negara kita," katanya berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Penilaian perkhidmatan

Mengenai agenda reformasi institusi dilaksanakan kerajaan, Perdana Menteri, berkata RUU Iltizam Kecekapan Pentadbiran Awam yang dijangka dibahas minggu ini juga membolehkan proses penilaian perkhidmatan awam dilakukan dengan lebih jelas.

Beliau turut meminta pengu-rusan tertinggi kementerian supaya memaklumkan keputusan berhubung urusan pentadbiran kerajaan kepada kakitangan di semua peringkat, bukan terhad berkait sesebuah kementerian sahaja.

"Apa yang saya tegur minggu lalu dalam pasca Kabinet, kadang-kadang keputusan ini tidak sampai ke bawah, jadi di bawah itu ada keresahan.

"Keputusan kita dalam Jemaah Menteri patut disampaikan, bukan sahaja dalam mesyuarat pasca Kabinet yang dipengerusikan menteri, tetapi juga yang dipengerusikan ketua setiausaha, ketua kabatan.

"Tidak terikat kepada urusan jabatan mereka sahaja kerana ia terkait soal penilaian, proses kerja dan prosedur operasi standard (SOP) setiap penjawat awam. Jika tidak, ada ketidakhubungan, apa dilakukan di atas tak sampai akar umbi," katanya.

Perdana Menteri berkata, keberkesanan perkhidmatan awam bukan hanya bergantung kepada akta, tetapi juga kepada kesungguhan dan tekad dalam melaksanakannya.

Di Kementerian Kewangan, katanya, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) 2023 diperkenalkan, memerlukan komitmen kerajaan dalam soal pengurangan defisit dan belanjawan, yang mesti dilaksanakan.

"Jika tidak dilaksanakan, ia harus dibentangkan semula untuk dibahaskan, dibantah oleh Parlimen. Ia memerlukan tekad dan (kemahuan) politik, jika betul-betul punya iltizam untuk melaksanakan reformasi.

"Selain itu, Akta Perolehan Kerajaan (diperkenalkan) supaya proses dan prosedur itu kekal sebagai peraturan. Kerajaan boleh bertukar ganti, tetapi akta itu kekal, proses tender dan perolehan itu mesti dipatuhi," katanya.